

03 MAY 2003

Hishammuddin-Economist

THE ECONOMIST BUAT LAPORAN TANPA KAJI, KATA HISHAMMUDDIN

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Tuduhan liar yang tidak berasas sama sekali oleh majalah "The Economist" yang menghina pemimpin dan negara ini merupakan satu tindakan yang tidak dikaji terlebih dahulu, kata Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Husein.

Beliau berkata majalah itu mencemuh kewibawaan dan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana tidak mahu melihat pemimpin negara ini terus lantang menentang ketidakadilan dan hipokrasi negara barat.

"Sebab itu kita tidak boleh membenarkannya (The Economist) dari terus menyiarkan rencana seperti ini supaya kejayaan yang kita capai sekarang ini tidak boleh dipertikaikan lagi," katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Keusahawanan Pembiayaan Dana-Dana Khas yang dianjurkan oleh Biro Ekonomi, Pergerakan Pemuda Umno di sini hari ini.

Hishammuddin berkata Pergerakan Pemuda Umno juga akan memastikan kuasa-kuasa luar tidak lagi memperlekehkan dan menidakkan kejayaan yang dicapai oleh negara ini.

Oleh itu katanya, pergerakan itu juga akan lebih menumpukan perhatian kepada ekonomi bangsa Melayu bagi membantu mereka dalam bidang keusahawanan.

Hishammuddin berkata laporan majalah itu juga tidak tepat kerana Dr Mahathir telah berjaya menangani masalah kegawatan ekonomi negara tahun 1998 dengan tidak mengambil bantuan yang disalurkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Walaupun kita tidak boleh meramalkan setakat mana ekonomi negara ini mampu bertahan tetapi masa kegawatan tahun 1998 dan 1999 jelas pemimpin negara ini berjaya menghadapinya," katanya.

Sementara itu, Hishammuddin berkata selain agenda ekonomi, Pergerakan Pemuda Umno akan lebih menumpukan kepada isu pendidikan bagi memastikan negara mempunyai tenaga pekerja yang mahir dan cekap dalam menghadapi segala bentuk cabaran.

Oleh itu, katanya, pergerakan akan memastikan agenda pendidikan dijadikan salah satu agenda bagi kempen pilihan raya akan datang.

Terdahulu semasa berucap, Hishammuddin berkata penganjuran seminar itu merupakan manifestasi sokongan dan iltizam Pergerakan Pemuda Umno untuk membantu mencapai matlamat serta agenda Melayu.

Katanya pergerakan itu yakin pembangunan usahawan Melayu merupakan strategi terbaik ke arah melahirkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera yang akan menjadi pemangkin kepada usaha meningkatkan ekonomi orang Melayu.

-- BERNAMA
SSA KHY ROS